



JAWATAN : PENSYARAH

JABATAN / BAHAGIAN : AKADEMIK & PENYELIDIKAN

TARAF JAWATAN : KONTRAK

Ringkasan Bidang Tugas :

1. Menjalankan kuliah dan tutorial kepada pelajar-pelajar mengikut jadual yang telah ditetapkan oleh Jabatan.
2. Memberi bimbingan akademik kepada pelajar-pelajar melalui waktu runding cara.
3. Menyediakan soalan-soalan peperiksaan dan menjalankan penandaan serta pemarkahan bagi subjek-subjek yang berkaitan mengikut ketetapan dan peraturan akademik.
4. Terlibat dengan aktiviti penulisan dan penerbitan bagi memperkasakan ahli akademik.
5. Mematuhi peraturan dan piawaian yang ditentukan oleh kolej, agensi dan badan profesional.
6. Menjalankan tugas-tugas pentadbiran Jabatan Akademik & Penyelidikan mengikut keperluan dan arahan semasa.
7. Menghadiri mesyuarat Jabatan Akademik & Penyelidikan dan Kolej.
8. Menjalankan aktiviti untuk mempromosikan program akademik.
9. Melibatkan diri dengan aktiviti pembangunan masyarakat.
10. Menjalankan tugas – tugas lain yang diarahkan dari semasa ke semasa.

Syarat Kelayakan Minimum :

Pensyarah Pengajian Islam :

1. Mempunyai sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Pengajian Islam / Pengajian Islam dan Bahasa Arab / Syariah / Fiqh dan Usul serta bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
2. Berpengalaman mengajar dalam bidang Fiqh Ibadah Haji dan Umrah serta Operasi Haji di Tanah Air dan di Tanah Suci adalah satu kelebihan.
3. Mempunyai pengalaman luas dalam bidang pelancongan Islam khususnya ibadah haji dan umrah adalah satu kelebihan.



JAWATAN : EKSEKUTIF

JABATAN / BAHAGIAN : UNIT AUDIT DALAM

TARAF JAWATAN : KONTRAK

Ringkasan Bidang Tugas :

1. Membangun dan mengemaskini dasar dan prosedur pengurusan risiko yang komprehensif, selaras dengan amalan terbaik industri dan keperluan kawal selia.
2. Membantu dalam urusan penyediaan khidmat rundingan dan cadangan penambahbaikan berkaitan pengurusan risiko kepada pihak Pengurusan dan Jabatan/ Bahagian/ Pusat/ Unit di KPBKL.
3. Membangunkan dan melaksanakan kerangka pengurusan risiko, termasuk pendaftaran risiko, untuk menilai dan memantau risiko yang telah dikenalpasti. Menyemak petunjuk risiko dan metrik prestasi secara berkala untuk mengenal pasti risiko yang memerlukan tindakan.
4. Berkolaborasi dengan pihak berkepentingan yang berkaitan untuk membangunkan dan melaksanakan strategi pengurusan risiko yang berkesan, termasuk langkah kawalan dan rancangan kontigensi.
5. Mengendalikan sesi latihan dan bengkel untuk meningkatkan kesedaran mengenai prinsip dan amalan pengurusan risiko dalam kalangan pekerja serta membudayakan pemikiran berdasarkan risiko.
6. Menyediakan laporan pengurusan risiko secara berkala kepada pengurusan atasan, jawatankuasa yang berkaitan dan Lembaga Pengarah.
7. Berkolaborasi dengan pasukan Audit Dalam dengan memberikan khidmat sokongan yang diperlukan semasa proses pengauditan dan pemeriksaan. Memastikan pematuhan kepada undang-undang, peraturan dan dasar organisasi yang berkaitan dan diselaraskan dengan aktiviti pengurusan risiko.
8. Lain-lain tugas yang diarahkan dari semasa ke semasa.

Syarat Kelayakan Minimum :

1. Mempunyai sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda Perakaunan / Kewangan / Matematik / Sains / Pentadbiran / Perniagaan / Teknologi Maklumat / Teknikal dan bidang yang berkaitan diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
2. Mempunyai sekurang-kurangnya 1 hingga 3 tahun pengalaman bekerja dalam bidang berkaitan adalah satu kelebihan.
3. Berkebolehan untuk memimpin serta boleh berfikir secara kreatif dan kritis, berkebolehan tinggi dalam pengurusan, komited dalam kerja berkumpulan, analitis, fleksibel, proaktif dan berkemampuan bekerjasama dengan semua lapisan anggota dan perhubungan dengan agensi luar.
4. Berpengetahuan dan mahir dalam penggunaan komputer dalam aplikasi *Microsoft Office*.



JAWATAN : PEREKA GRAFIK

JABATAN / BAHAGIAN : PERANCANGAN STRATEGIK & KOMUNIKASI

TARAF JAWATAN : KONTRAK

Ringkasan Bidang Tugas :

1. Bertanggungjawab merangka dan membangunkan reka bentuk untuk semua pengiklanan dalam mempromosikan KPBKL.
2. Mengimplementasikan idea & konsep menerusi rekaletak dan penghasilan / penggunaan gambar dan grafik yang bersesuaian.
3. Menyediakan rekaan grafik *brochure, flyers, corporate profile, borang-borang, business card, letterhead, banner & bunting, poster, pengiklanan akhbar, majalah, facebook, whatsapp, web banner, kad matrik pelajar, file pelajar, kad jemputan dan sijil*.
4. Menyediakan rekaan agar dapat menepati tarikh *deadline* sebelum menghantar kepada media atau percetakan.
5. Memastikan setiap rekaan dicetak dengan baik mengikut spesifikasi yang telah dipersetujui oleh pihak yang terlibat.
6. Terlibat dalam program yang dijalankan oleh pihak pengurusan, jabatan, bahagian dan unit dalam rekaan grafik untuk mempromosikan sesuatu program.
7. Membuat seni reka visual yang terkini untuk memenuhi kehendak pelanggan.
8. Menjadi jurukamera di dalam majlis / program yang dianjurkan oleh KPBKL atau majlis / program yang dianjurkan oleh pihak luar jika diarahkan.
9. Menjaga kerahsiaan maklumat dan dokumen organisasi.
10. Menjalankan lain-lain tugas yang diarahkan dari semasa ke semasa.

Syarat Kelayakan Minimum :

1. Mempunyai sekurang-kurangnya Diploma dalam bidang *Design / Creative Multimedia* dan bidang yang berkaitan diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
2. Mempunyai sekurang-kurangnya 1 hingga 3 tahun pengalaman bekerja dalam bidang rekaan grafik.
3. Berkebolehan untuk berfikir secara kreatif dan kritis, berkebolehan tinggi dalam pengurusan, komited dalam kerja berkumpulan, analitis, fleksibel, proaktif dan berkemampuan bekerjasama dengan semua lapisan anggota dan perhubungan dengan agensi luar.
4. Berpengetahuan dan mahir menggunakan *Adobe Photoshop, Adobe Flash, Adobe* serta yang setaraf dengannya.
5. Bersedia untuk belajar perkara baharu dan mampu berfikiran kritis dan kreatif. Berkemahiran dan kreatif dalam seni rekaan grafik, proaktif, pantas, komited serta berdisiplin.



JAWATAN : ANGGOTA KESELAMATAN

JABATAN / BAHAGIAN : PENGURUSAN FASILITI

TARAF JAWATAN : KONTRAK

Ringkasan Bidang Tugas :

1. Bertanggungjawab melaksanakan tugas kawalan keselamatan terhadap semua aset Kolej melibatkan keselamatan fizikal, dokumen dan warga Kolej termasuk kawasan-kawasan yang diisyiharkan sebagai Kawasan Larangan dan Tempat Larangan dalam Kolej.
2. Mengawal lalu lintas dalaman Kolej, meronda di dalam dan luar kawasan bangunan serta sempadan kawasan, mengawal pintu masuk, mengawal pergerakan pelawat dan kenderaan.
3. Hendaklah memahami dan mahir mengenai Peraturan Umum (*General Orders*) dan Peraturan Tertentu (*Special Orders*) mengenai Peraturan Keselamatan Kolej serta melaksanakannya.
4. Merekod, membuat laporan rondaan tugas dan melaporkan segala pelanggaran Peraturan Keselamatan Kolej.
5. Mencegah daripada berlakunya kejadian kecurian, kerosakan, kebakaran, kemalangan dan pengkhianatan (sabotaj) aset Kolej dan warga Kolej.
6. Memeriksa mana-mana kakitangan, pelawat, pekerja kontrak yang disyaki membawa peralatan larangan.
7. Mengawasi pekerja-pekerja luar yang sedang melakukan kerja-kerja kontrak – selepas waktu pejabat (bila perlu).
8. Menangkap dan menahan mana-mana penceroboh yang tiada kebenaran masuk di dalam kawasan KPBKL.
9. Mengiringi pelawat ke pejabat yang dikunjungi (bila perlu).
10. Memastikan pelajar mematuhi peraturan yang ditetapkan.

Syarat Kelayakan Minimum :

1. Warganegara Malaysia.
2. Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan dan calon yang berumur 25 tahun sehingga 45 tahun adalah diberi keutamaan.
3. Memiliki sekurang-kurangnya Sijil Penilaian Menengah Rendah (PMR) / Sijil Rendah Pelajaran (SRP) kelayakan yang setaraf dengannya yang diiktiraf oleh kerajaan.
4. Bekas anggota Polis atau Tentera sekurang-kurangnya berpangkat konstabel Polis Sokongan atau Prebet atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik.
5. Berkebolehan dan berpengetahuan mengendalikan komputer.
6. Kepujian Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) dan berkebolehan menulis dan komunikasi dengan baik dalam Bahasa Melayu.

CARA PERMOHONAN

Sekiranya anda adalah seorang yang berdaya saing, kreatif dan berinovasi, mempunyai tahap komitmen yang tinggi, berfikiran positif serta mampu bekerja dalam suasana mencabar, sila hantarkan surat permohonan, resume dan salinan sijil serta transkrip Akademik anda kepada:-

**BAHAGIAN SUMBER MANUSIA
TINGKAT 3, MENARA AKADEMIK
KOLEJ PROFESIONAL BAITULMAL KUALA LUMPUR
LOT 1363, JALAN PERKASA
TAMAN MALURI
55100 KUALA LUMPUR**

E-MEL: peluangkerjaya_hr@kpbkl.edu.my

TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 29 SEPTEMBER 2024 (AHAD)